

Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang OCBC (berkuat kuasa dari 3 Feb 2022)

Nama Produk: Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang OCBC (MCCA)

Apakah Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang OCBC?

ia adalah kumpulan pelbagai mata wang yang berfungsi sebagai akaun penyelesaian bagi portfolio kekayaan pelanggan yang menampilkan Simpanan Tetap Pelbagai Mata Wang, Produk Pelaburan dan Pembiayaan Kekayaan.

1

Kelayakan	
Pendahuluan	Semua simpanan dan baki kredit di dalam MCCA dicajkan kepada Bank sebagai cagaran untuk mendapatkan kemudahan Pembiayaan Kekayaan yang diberikan oleh Bank. Di mana berkenaan, MCCA seterusnya akan tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam Surat Kemudahan, Dokumen Pembiayaan dan Dokumen Sekuriti yang berkenaan, sebagaimana berkaitan.
Umur	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas
Warganegara	<p>Terbuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).</p> <p><i>Nota: Seorang individu pemastautin boleh membuka:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • akaun nama perseorangan; atau • akaun bersama dengan individu pemastautin lain • akaun bersama dengan individu bukan pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat*. <p><i>*Untuk individu, "ahli keluarga terdekat " merujuk kepada isteri atau suami sah beliau , ibu bapa, anak-anak sah (termasuk anak angkat sah) atau adik-beradik sah Individu tersebut.</i></p>
Dokumen yang Diperlukan	Kad Pengenalan atau Pasport.
Mata Wang Yang Tersedia	MYR, GBP, SGD, USD, HKD, AUD, CAD, EUR, NZD dan JPY adalah mata wang yang tersedia secara tetapan lalai untuk akaun ini. CNH juga disediakan bagi mereka yang ingin mendapatkannya.
Simpanan Permulaan Minimum	Dikecualikan
Baki Minimum untuk Mengekalkan Akaun	Tiada baki minimum perlu dikekalkan
Notis Pertukaran Asing (Notis FE)	
<p>Notis FE adalah satu set peraturan yang ditadbir oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islamik 2013 untuk melindungi nilai mata wang Malaysia.</p> <p>Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang OCBC adalah Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (IFCA) dan menjadikan Notis FE sebagai panduan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Notis FE yang lengkap dan terkini dalam laman web BNM mengenai Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing.</p>	
Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (FCA Pelaburan)	
Sumber Dana	<p>A. Sebarang jumlah yang menggunakan dana mata wang asing</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Dari luar negara Malaysia, kecuali hasil daripada Eksport Barangan ✓ Kecuali untuk penyelesaian dagangan domestik daripada pemastautin lain dalam rantaian bekalan global sebagaimana dibenarkan di bawah Notis 4 – Bayaran dan Penerimaan ✓ Dari bukan pemastautin, selain pinjaman mata wang asing • Sehingga RM10 juta yang bersamaan dengan agregat¹ pinjaman mata wang asing daripada bank luar pesisir berlesen atau bukan pemastautin • Sehingga RM1 juta yang bersamaan dengan agregat² setiap tahun kalendar yang menggunakan dana daripada <ul style="list-style-type: none"> ✓ Penukaran ringgit kepada mata wang asing ✓ Pertukaran aset kewangan berdenominasi Ringgit di Malaysia untuk aset kewangan dalam Entiti Labuan atau luar Malaysia ✓ Pindahan dari FCA Dagangan <p>¹Dikira berdasarkan agregat pinjaman dalam mata wang asing oleh individu pemastautin dan pemilik tunggal dan perkongsian umum yang dimiliki oleh individu pemastautin.</p>

	² Dikira dalam agregat pinjaman berdasarkan pelaburan oleh individu pemastautin, pemilik tunggal dan perkongsian umum dalam aset mata wang asing dengan pinjaman domestik ringgit sahaja.
Kegunaan Dana	Sebarang tujuan yang diluluskan
Definisi Pinjaman Ringgit Domestik	Pinjaman dalam ringgit yang diperolehi oleh pemastautin daripada pemastautin lain, kecuali: <ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan kredit/pembiayaan yang diperolehi oleh individu pemastautin daripada pemastautin untuk membeli satu harta kediaman dan satu kenderaan; • Kemudahan kad kredit atau kad caj diperolehi oleh individu pemastautin daripada pemastautin dan digunakan untuk pembayaran bagi barangan dan perkhidmatan runcit sahaja; atau • Jaminan Kewangan atau Bukan-Jaminan Kewangan.
Jenis Pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing	<ol style="list-style-type: none"> 1) Aset mata wang asing merujuk kepada aset mata wang asing luar pesisir dan aset mata wang Asing dalam pesisir. 2) Aset mata wang Asing luar pesisir merujuk kepada: <ol style="list-style-type: none"> a) aset kewangan di Malaysia ditukar untuk aset kewangan dalam Entiti Labuan atau di luar Malaysia; b) Pinjaman Mata Wang Asing diberikan kepada Bukan-Pemastautin; c) modal kerja yang diperolehi daripada mana-mana aturan perniagaan di luar Malaysia (termasuk projek usahasama di mana tiada Entiti dibentuk atau ditubuhkan); d) simpanan dalam Akaun Mata wang Asing yang dikekalkan dengan Entiti Labuan atau di luar Malaysia kecuali amaun simpanan yang wajar untuk pendidikan, pekerjaan atau penghijrahan di luar Malaysia; atau e) Berdenominasi Mata Wang Asing: <ol style="list-style-type: none"> i. aset (ketara atau tidak ketara) ditawarkan oleh Bukan-Pemastautin atau mana-mana orang yang pemastautinnya tidak dapat ditentukan; ii. aset (ketara atau tidak ketara) dalam atau dikekalkan dengan Entiti Labuan, atau di luar Malaysia; iii. Instrumen Kewangan atau Instrumen Kewangan Islam (kecuali Derivatif Kadar Tukaran) tanpa Komitmen Teguh yang ditawarkan atas Tukaran Khusus di bawah CMSA di luar Malaysia yang dilaksanakan oleh Pemastautin melalui broker hadapan Pemastautin; atau iv. Instrumen Kewangan atau Instrumen Kewangan Islam (kecuali Derivatif Kadar Tukaran) tanpa Komitmen Teguh yang ditawarkan oleh Bukan-Pemastautin. 3) Aset mata wang asing dalam pesisir merujuk kepada: <ol style="list-style-type: none"> a) Sekuriti atau Sekuriti Islam berdenominasi Mata Wang Asing yang ditawarkan di Malaysia oleh Pemastautin sebagaimana diluluskan secara bertulis oleh Bank; b) Instrumen Kewangan atau Instrumen Kewangan Islam berdenominasi Mata Wang Asing yang ditawarkan di Malaysia oleh Pemastautin sebagaimana diluluskan secara bertulis oleh Bank kecuali urusniaga derivatif atau derivatif Islam yang dimasuki dengan Komitmen Teguh; c) simpanan dalam FCA Pelaburan dengan bank dalam pesisir berlesen atau Institusi Kewangan dibenarkan seperti dinyatakan dalam Notis 3 – Pelaburan dalam Aset Mata Wang Asing; atau d) sebarang instrumen yang ditawarkan oleh bank dalam pesisir berlesen dengan serahan Mata Wang Asing semasa matang³. <p>³Seperti pelaburan dwi-mata wang.</p>
Kadar faedah	
Pengiraan Faedah	Kadar Faedah terbaru boleh didapati dalam laman web OCBC Malaysia atau mana-mana cawangan OCBC Bank. OCBC Bank berhak untuk menukar kaedah faedah dan akan memapar notis di cawangan, laman web OCBC Bank atau sosial media.

Ciri-ciri dan Kelebihan	
Simpanan dan Pengeluaran	<ul style="list-style-type: none"> Akaun ini tidak mempunyai Kad Debit atau buku cek dan anda tidak boleh melakukan GIRO atau pindahan wang kepada atau dari akaun ini ke bank lain. Akaun ini juga tidak membenarkan simpanan dan pengeluaran wang fizikal dalam mana-mana mata wang kepada atau dari akaun. Simpanan atau pengeluaran kepada atau dari akaun ini hanya boleh dilakukan kepada atau dari akaun semasa atau simpanan sedia ada anda yang dibuka dan dikendalikan dengan Bank ("Akaun Perbankan Hari-ke-Hari"). Sebarang permintaan untuk penggantian atau pengeluaran baki kredit dan simpanan dalam MCCA adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang berkaitan dengan Pembiayaan Kekayaan (di mana berkenaan), di mana Bank berhak memberi kebenaran atau menolak permintaan tersebut.
Terlebih Pengeluaran	Tiada terlebih pengeluaran dibenarkan kecuali Pelanggan telah membuat pengaturan awal dengan Bank. Faedah untuk terlebih pengeluaran MCCA akan dikira berdasarkan baki debit harian pada kadar yang ditentukan oleh Bank dan hendaklah dibayar apabila dituntut. Pelanggan dianggap telah memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit MCCA bagi faedah tersebut, semasa dan apabila terdapat baki kredit di dalam MCCA. Untuk kadar faedah terkini, sila rujuk kepada fi dan caj.
Penyata Akaun	Akaun baharu anda didatangkan bersama penyata elektronik "secara tetapan" yang boleh diakses melalui Perbankan Online OCBC dan/atau dihantar ke alamat e-mel anda. Salinan bercetak akan dihantar secara bulanan hanya apabila diminta. Caj sebanyak RM10.00 sebulan akan dikenakan bagi setiap permintaan untuk mendapatkan penyata tambahan.
Insurans Simpanan	Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari laman web PIDM.
Ciri-ciri dan Kelebihan	
Pengendalian Akaun Dorman dan Wang Tidak Dituntut	<p>Jika anda tidak melaksanakan sebarang transaksi ke atas portfolio kekayaan anda dalam tempoh satu tahun, kami akan menganggap semua akaun anda di dalam portfolio kekayaan sebagai dorman.</p> <p>Untuk mengaktifkan semula portfolio dorman, anda dikehendaki melaksanakan transaksi simpanan atau pengeluaran kepada atau dari Akaun Perbankan Hari-ke-Hari anda dengan memberi arahan kepada Pengurus Perhubungan anda. Sekiranya portfolio kekayaan adalah dorman tanpa baki, Bank boleh menutup semua akaun dengan memberi notis awal kepada anda.</p> <p>Apabila portfolio anda menjadi dorman selama 7 tahun, portfolio kekayaan anda termasuk Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang di dalam portfolio akan menjadi tidak dituntut. Jika terdapat baki kredit di dalam akaun, baki kredit akan dihantar kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut selaras dengan Akta Wang Tidak Dituntut 1965, dan akaun kemudiannya akan ditutup.</p> <p><i>Nota: Untuk Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang OCBC tiada caj dorman dikenakan</i></p>

Pengendalian Akaun Bersama	<ul style="list-style-type: none"> Akaun bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 atau lebih individu yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan semasa memohon. Pemegang-pemegang akaun secara bersama layak ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun. Semua arahan berkenaan dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Bank) oleh semua pemegang akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya secara bertulis oleh semua pemegang akaun bersama. Semua pemegang akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan. Jika OCBC Bank menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Bank boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang akaun bersama. Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang akaun bersama, OCBC Bank berhak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama yang masih ada, dengan syarat sebelum pembayaran dibuat, OCBC Bank berhak untuk menolak sebarang hutang yang ditanggung oleh pemegang-pemegang akaun bersama di bawah mana-mana akaun dengan OCBC Bank dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut. OCBC Bank boleh membenarkan pemegang(-pemegang) akaun yang masih ada untuk meneruskan pengendalian Akaun tertakluk kepada memenuhi Terma dan Syarat dikenakan oleh OCBC Bank.
Ringkasan Fi dan Caj	
Caj Perkhidmatan Akaun Separa Tahun	Dikecualikan
Penutupan Awal	Dikecualikan
Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh akaun dibuka	Sila rujuk Personal Banking > Fees & Charges di laman web OCBC Malaysia untuk lain-lain fi dan caj.

Maklumat Perhubungan	
OCBC Bank (Malaysia) Berhad	<p>Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas mengenai produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines > Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Bank yang berhampiran anda.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan mengenai produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis ke alamat berikut atau emel kepada alamat berikut (sila rujuk Help & Support > The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):</p> <p style="text-align: center;">Service Transformation Department, OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Ombudsman Perkhidmatan Kewangan); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
Bank Negara Malaysia	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laman web MyCoverage <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia)</p>
Perbadanan Insurans Simpanan Malaysia (PIDM)	<p>Hubungi talian hotline (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Hubungi Kami di laman web PIDM)</p>

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Bank tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **Akaun Semasa Pelbagai Mata Wang OCBC** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Bank dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Bank terlebih dahulu. Simpanan Mata Wang Asing adalah tertakluk kepada perubahan kadar tukaran asing yang memberikan peluang dan juga risiko. Anda mungkin akan mengalami kerugian ke atas prinsipal apabila anda menukar mata wang asing kepada mata wang asas. Oleh itu, anda harus menentukan mana-mana mata wang asing yang sesuai bagi objektif dan situasi kewangan anda.